

11/01/1998

Ekonomi kita mampu pulih lebih awal: Ling

KAMPAR: MCA yakin kegawatan ekonomi yang melanda negara mampu dipulihkan kurang daripada enam bulan jika rakyat pelbagai lapisan mengambil langkah sewajarnya, seperti yang dinasihatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata pelbagai langkah yang diambil kerajaan, termasuk memotong gaji dan elaun pemimpin serta pegawai tertinggi dan mengurangkan perbelanjaan sebanyak 20 peratus akan menunjukkan kesan, di samping rakyat berjimat cermat dan meningkatkan tabungan di dalam negara.

"Masalah ekonomi sekarang bukan hanya boleh diatasi dalam tempoh enam bulan, malah tidak mustahil kurang daripada itu jika kita mengambil pelbagai langkah, termasuk mengurangkan pengaliran wang ke luar."

"Rakyat perlu meningkatkan penggunaan makanan dan barangan tempatan, bercuti dalam negara, menyimpan wang di bank tempatan dan menghantar anak melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan," katanya selepas merasmikan program Orientasi Penuntut Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) cawangan Perak, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri bahawa beliau yakin ekonomi negara akan pulih dalam tempoh enam hingga 12 bulan jika rakyat menaruh kepercayaan penuh terhadap nilai ringgit dan pasaran saham negara.

Dr Ling berkata, jangkakan Dr Mahathir itu tidak mustahil dicapai kerana ia boleh diusahakan.

Sementara itu, menurutnya, Kolej TAR akan meningkatkan pengambilan penuntut berikutan permintaan bertambah berikutan kos menghantar pelajar ke luar negara semakin tinggi dan keupayaan institusi pengajian tempatan terbatas.

Katanya, sekarang jumlah penuntut Kolej TAR ialah 11,000 orang dan akan ditingkatkan kepada 13,400 apabila beberapa lagi cawangan, termasuk di sini, Johor dan Pulau Pinang beroperasi.

Beliau berkata, MCA juga menerima permohonan membuka kolej itu di Sabah dan Sarawak, bagaimanapun, ia belum dapat dilaksanakan kerana tidak mempunyai tanah.

(END)